

KEPUTUSAN INKUES MUHAMMAD ADIB

Jangan politikkan, serah kepada polis - Zuraida

Oleh **NUR IZZATI IZZAH NADZI**
pengarang@utusan.com.my■ **KUALA LUMPUR 27 SEPT.**

"SAYA menyeru semua pihak bertenang, menghormati ahli keluarga Allahyarham dan tidak mempolitikkan kes ini dengan sebarang sentimen agama atau perkauman."

Itu reaksi Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Zuraida Kamaruddin selepas koroner mengumumkan keputusan inkues kematian anggota bomba, Allahyarham Muhammad Adib Mohd. Kassim.

Katanya, insiden itu merupakan isu keselamatan penjawat awam yang sedang menjalankan tugas dan tidak boleh dipolitikkan untuk kepentingan pihak tertentu.

"Saya mengikuti perjalanan kes Allahyarham Muhammad Adib sejak beliau menerima rawatan akibat kecederaan ketika menjalankan tugas dalam insiden berhampiran Kuil Sri Maha Mariamman di Subang Jaya sehingga meninggal dunia 17 Disember tahun lalu di Institut Jantung Negara (IJN).

"Pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) telah menggunakan pelbagai saluran yang ada termasuk meminta inkues dijalankan bagi membolehkan Allahyarham," katanya.



ZURIDA KAMARUDDIN mengadakan sidang akhbar selepas keputusan inkues menentukan punca kematian Muhammad Adib Mohd. Kassim di Mahkamah Koroner, Shah Alam, Selangor, semalam. - BERNAMA

Ujar Zuraida, selepas Mahkamah Koroner hari ini memutuskan Muhammad Adib meninggal dunia akibat serangan fizikal disebabkan perbuatan jenayah oleh dua atau tiga penyerang tidak dikenali, beliau menyerahkan kepada polis untuk mengambil tindakan selanjutnya.

"Saya berharap kes ini akan diselesaikan dengan penuh integriti dengan menjunjung tinggi prinsip ketelusan dan keadilan oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan keluarga Allahyarham mendapat

pembelaan yang sewajarnya.

"Secara peribadi, saya mengucapkan syukur kepada Ilahi dan berharap kebenaran akan terbukti serta keadilan akan ditegakkan," katanya.

Beliau turut berterima kasih kepada semua yang sentiasa mengambil berat terhadap keluarga Allahyarham Muhammad Adib dan yang mendoakan perjalanan inkues berjalan lancar termasuk barisan peguam yang mewakili Muhammad Adib sepanjang inkues berlangsung.

Keputusan yang dinantikan - Kesatuan Pekerja Bomba

KUALA LUMPUR 27 Sept. - Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Selangor bersedia memberi kerjasama dengan Polis Diraja Malaysia (PDRM) sekiranya dipanggil berhubung siasatan lanjut kematian anggotanya, Allahyarham Muhammad Adib Mohd. Kassim.

Pengarahnya, **Norazam Khamis** berkata, pihaknya akan mengikut segala arahan yang dikeluarkan pihak berkuasa berhubung kejadian tersebut.

"Secara keseluruhannya, kami berpuas hati dan berasa adil dengan keputusan yang diputuskan Mahkamah Koroner hari ini berhubung mencari punca kematian Muhammad Adib.

"Ini seperti pembelaan kepada anggota bomba dan keputusan tersebut sememangnya ditunggu-tunggu oleh semua pihak. Sekiranya dipanggil, kita bersedia untuk beri keterangan," katanya ketika dihubungi di sini hari ini.

Bagi Presiden Kesatuan Pekerja-Pekerja Bomba dan Penyelamat Semenanjung Malaysia, **Zaim Abidin Nong Chik**, hasil itu yang merumuskan bahawa anggota bomba terabit dipukul sekumpulan lelaki sehingga mengakibatkan kematian dianggap sebagai keputusan paling ditunggu-tunggu dari mula inkues dijalankan.

Beliau beranggapan bahawa keputusan Mahkamah Koroner itu sekali gus membela nasib keseluruhan anggota bomba dan penyelamat.

Sambil mengucapkan terima



"Ini seperti pembelaan kepada anggota bomba dan keputusan tersebut sememangnya ditunggu-tunggu oleh semua pihak. Sekiranya dipanggil, kita bersedia untuk beri keterangan."

NORAZAM KHAMIS

kasih kepada barisan peguam, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan orang ramai yang terus memberi sokongan, Zaim Abidin menegaskan kesatuan itu akan terus berpegang teguh menjaga kepentingan dan kepentingan anggota bomba.

"Ini bukan sahaja kemenangan dan keadilan kepada Allahyarham Muhammad Adib serta keluarga tetapi juga kepada anggota bomba. Setidak-tidaknya pegawai kita yang turut serta dalam operasi pada malam itu terbelah dan tidak lagi dibelenggu rasa bersalah," katanya.

ANALISISOleh **KU SYAFIQ KU FOZI**

Inkues Muhammad Adib: Peguam Negara gagal teruk

HARI ini kebenaran ditegakkan. Doa rakyat Malaysia yang mahu melihat kematian anggota bomba, Muhammad Adib Mohd. Kassim terbela dimakbulkan. Syukur.

Namun, ia bukanlah penamat. Perjalanan baru bermula. Sekarang ada tanggungjawab besar yang dipikul Peguam Negara, Tan Sri Tommy Thomas dan Polis Diraja Malaysia (PDRM).

Pelaku jenayah yang mengakibatkan kematian Muhammad Adib perlu segera diberkas dan dihukum. Peguam Negara dan PDRM tidak boleh gagal.

Rakyat memerhati rapat.

Sepatutnya, isu ini boleh diselesaikan dengan lebih cepat. Keputusan hari ini antara lain mengesahkan, inkues ini sebenarnya tidak perlu.

Sejak awal kes ini timbul lagi, memang jelas Muhammad Adib cedera dipukul. Ia disahkan ramai pihak, termasuk polis dan Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir yang datang melawat Muhammad Adib di Institut Jantung Negara (IJN).

Pelbagai perkara yang berlaku sepanjang proses inkues juga sangat mencurigakan, lebih-le-

bih lagi melibatkan Tommy.

Pertama, Tommy mengeluarkan affidavit yang bersifat subjudis apabila ia membuat kesimpulan bahawa Muhammad Adib tidak dipukul. Ia membelakangi Mahkamah Koroner yang belum lagi membuat keputusan ketika itu.

Tommy sudah disahkan bersalah oleh mahkamah baru-baru ini. Sangat pelik, bagaimana seorang pengamal undang-undang yang sangat disanjung tinggi ketika namanya disebut akan dilantik sebagai Peguam Negara boleh

buat kesilapan sebegini?

Kedua, isu penarikan diri peguam, Syazlin Mansor pada penghujung inkues. Ia sangat mencurigakan.

Syazlin juga sudah mengemukakan kenyataan tentang perkara itu dan nampaknya memang ada tangan-tangan ghaib mahu menentukan keputusan inkues mengikut selera mereka.

Penulis tidak tahu apa pendapat pembaca, tapi di pihak penulis, Tommy tidak sepatutnya diberi ruang untuk terlibat dengan kes ini lagi.

Beliau memang akan ter-

libat kerana beliau Peguam Negara, namun siri kegagalan beliau dan tindak-tanduk sepanjang proses inkues membuktikan beliau tidak layak berada pada kedudukan itu. Beliau sudah gagal teruk.

Demi membela kedaulatan undang-undang dan memastikan pemergian Muhammad Adib terbela, Tommy perlu mengkaji kedudukannya sebagai Peguam Negara.

Beliau seharusnya tahu apa tindakan perlu dibuat mengenai jawatannya. Keadilan untuk Muhammad Adib wajib ditegakkan.